

Syor tubuh Majlis Penasihat Agama Kebangsaan

➔ Cadangan sebagai tambah baik JAKIM, isu berkaitan agama

Oleh Manirajan
Ramasamy and Mohd
Iskandar Ibrahim
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan dicadang menubuhkan Majlis Penasihat Agama Kebangsaan sebagai penambahbaikan terhadap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan isu berkaitan agama.

Felo Penyelidik Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Faizal Musa

atau lebih dikenali sebagai Faizal Tehrani, berkata cadangan itu ialah antara saranan dikemukakan pada pertemuan dengan Majlis Penasihat Kerajaan (MPK), semalam.

Proses reformasi

Beliau berkata, penubuhan majlis itu perlu dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada proses reformasi yang ingin dilakukan kerajaan.

"Pertemuan dengan MPK amat memberangsangkan dan saya ada memberi beberapa cadangan kepada mereka sebagai sebahagian agenda reformasi.

"Antara cadangan dan pendapat yang saya kemukakan ialah kerajaan perlu menubuhkan Majlis Penasihat Agama Kebangsaan," katanya ketika ditemui di pekarangan Menara Ilham, di sini.

Mohd Faizal berkata, pewujudan majlis berkenaan secara tidak langsung mampu memperbaiki kedudukan JAKIM.



Penubuhan majlis itu perlu dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada proses reformasi yang ingin dilakukan kerajaan"

Dr Mohd Faizal Musa,
Felo Penyelidik Institut Alam dan Tamadun Melayu
(ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)